



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH HIJAU  
2022**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**07 DISEMBER 2022 (RABU)  
2.30 PETANG**

**AUDITORIUM  
MENARA MBSP  
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Sekolah Hijau 2022 anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. di Auditorium Menara MBSP.

Untuk makluman semua, Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah merupakan rakan strategik sejak tahun 2010 lagi dalam penganjuran dan penajaan Program Sekolah Hijau di Seberang Perai. MBSP amat berterima kasih kepada Encik Carlos Cano, Pengarah Urusan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang berterusan dalam memperkasakan pendidikan dan kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai.

Bagi tahun 2022, lebih daripada RM30,000.00 telah disumbangkan oleh pihak Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi menjayakan Program Sekolah Hijau di Seberang Perai dan sebanyak

RM27,300.00 pula disumbangkan sebagai hadiah wang tunai pada hari ini.

Adalah diharapkan agar penajaan ini diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

MBSP juga merakamkan ucapan terima kasih kepada para juri Anugerah Sekolah Hijau 2022 iaitu:-

1. Encik Zulkifli bin Mat daripada Jabatan Alam Sekitar;
2. Encik Chen Thean Hock daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang;
3. Cik Kim Tan daripada Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.; dan
4. Cik Loh Poh Chen, Jurulatih Sekolah Hijau

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program Anugerah Sekolah Hijau telah dilaksanakan dengan jayanya semenjak 2010 sehingga kini, kecuali pada tahun 2020 dan 2021 akibat pandemik Covid-19. Program ini dibentuk sebagai program pengauditan

alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Seberang Perai. Tujuan program ini ialah menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan dengan tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan lain-lain lagi.

Objektif pelaksanaan Program Anugerah Sekolah Hijau ini adalah untuk:-

- a. memupuk nilai murni terhadap alam sekitar di kalangan warga sekolah;
- b. meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharran alam sekitar.
- c. menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan;
- d. meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar; dan
- e. mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari.

Dari segi penyertaan sekolah-sekolah di Seberang Perai dalam Program Sekolah Hijau, terdapat peningkatan dari **30** buah sekolah pada 2010 kepada **166** sekolah bagi tahun 2019. Bagi tahun ini pula, MBSP telah menerima penyertaan sebanyak 70 buah sekolah iaitu 44 sekolah rendah dan 26 sekolah menengah. Syabas diucapkan kepada sekolah-sekolah yang

prihatin terhadap pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan lain-lain.

Pelaksanaan Program Anugerah Sekolah Hijau telah menampakkan kejayaan di antaranya:

- i. Aktiviti sekolah hijau telah dijadikan sebahagian daripada program ko-kurikulum sekolah, di mana sekolah-sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti membuat kompos, menanam sayur-sayuran, melibatkan diri dalam program khidmat masyarakat seperti kempen kitar semula, pembersihan pantai dan kempen tanam pokok.
- ii. Melaksanakan program *upcycle* di sekolah dan melatih murid-murid menjadi usahawan.
- iii. Sekolah-sekolah hijau telah mencapai kejayaan dalam kempen penjimatan elektrik dan air.

Untuk menambahkan minat serta meningkatkan penyertaan sekolah-sekolah di Seberang Perai, MBSP telah menganjurkan bengkel guru-guru sekolah hijau bagi Seberang Perai Utara pada 01 September 2022 dan Seberang Perai Tengah pada 05 Oktober 2022. Bagi sekolah-sekolah di Seberang Perai Selatan, bengkel akan dianjurkan pada bulan januari 2023.

Pada tahun 2023, MBSP mensasarkan agar murid-murid Tahun 1 dan Tingkatan 1 diberikan latihan dalam kecekapan sumber asli, kebersihan dan penghijauan, inovasi dan kreativiti. Sekolah-sekolah yang berminat bolehlah menghubungi MBSP untuk mernyertai bengkel-bengkel yang dianjurkan.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau akan dinilai mengikut beberapa kriteria utama, iaitu dari segi:-

- A. Kecekapan Sumber Asli (40 Markah)
- B. Kebersihan dan Penghijauan (18 markah)
- C. Inovasi dan Kreativiti (14 markah)
- D. Penglibatan digital (15 markah)
- E. Pembentangan (12 markah)

Tarikh tutup pendaftaran atas talian adalah 31 Mei 2022, penilaian panel ke atas sekolah-sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau ini dinilai pada bulan Julai 2022, manakala majlis penyampaian hadiah diadakan

pada hari ini. Hadiyah-hadiyah yang akan dimenangi sebentar sangat lumayan berupa wang tunai dan sijil penyertaan.

Saya amat berharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. MBSP akan memberi latihan / bengkel kepada murid-murid bagi mencapai objektif sekolah hijau

Selain daripada Anugerah Sekolah Hijau, sekolah-sekolah di Seberang Perai adalah juga digalakkan menyertai pertandingan-pertandingan lain seperti:-

- a. Pertandingan Kitar Semula F&N sekolah menengah, sekolah rendah dan pra-sekolah
- b. Pertandingan Video Tiktok "pengurusan sisa organik peringkat sekolah menengah".

Sekolah-sekolah juga boleh memberi cadangan bagi meningkat kesedaran terhadap alam sekitar dan membudayakan amalan kehidupan yang lestari.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada sekolah-sekolah yang telah berjaya menjadi Johan dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2022 yang akan diumumkan sebentar lagi. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya untuk menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Hijau.

MPSP ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan guru besar sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini. Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon.

Akhir kata daripada saya, marilah sama-sama kita menjaga alam sekitar ini dan menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***